

Jihad Umno bangunkan ummah: PM

Oleh Zulkofli Jamaludin



12 AUG 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan, jihad yang diperjuangkan Umno ialah untuk mengangkat martabat bangsa dan agama serta melengkapkan umat Islam dengan semua bidang pengetahuan.

Perdana Menteri berkata, jihad untuk pembangunan ummah itu dilaksanakan dengan kerjasama rakyat bukan Islam secara baik oleh Umno yang memimpin kerajaan sejak mencapai kemerdekaan 43 tahun lalu.

Katanya, kejayaan Umno membangunkan negara bukan saja diakui anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), tetapi negara di luar OIC yang menyifatkan Malaysia antara negara Islam yang berjaya.

Dr Mahathir menjelaskan demikian kepada ahli Biro Politik Umno dari seluruh negara di majlis penerangan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini petang ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, memberitahu pemberita selepas majlis itu, Dr Mahathir juga menjelaskan

Jihad yang diperjuangkan Umno ialah untuk mengangkat martabat bangsa dan agama serta melengkapkan umat Islam dengan semua bidang pengetahuan.

mengenai isu semasa, termasuk tindakan kumpulan Al-Ma'unah dan usaha pembangkang menanam kebencian rakyat terhadap Umno dan kerajaan.

“Perdana Menteri berkata tindakan kumpulan yang mendakwa mereka juga berjihad dengan meletupkan kapal terbang dan membunuh orang yang tidak bersalah bukanlah pengertian jihad sebenar.

“Umat Islam seharusnya berjihad dengan berusaha bersungguh-sungguh mendalami ilmu pengetahuan untuk mencapai kejayaan, termasuk dalam industri senjata,” katanya.

Abdullah berkata, Dr Mahathir turut meminta ahli Umno memerangi bersungguh-sungguh dakwah Pas untuk menambah

kebencian rakyat terhadap parti pemerintah melalui ceramah mereka.

Tindakan pembangkang itu, katanya, boleh menjejaskan usaha kerajaan membangunkan rakyat kerana terpaksa menjawab isu tidak berasas yang dibangkitkan oleh mereka.

“Sehubungan itu, katanya ahli Umno dalam setiap ceramah dan pertemuan perlu menjelaskan kepada rakyat mengenai usaha bersungguh-sungguh kerajaan untuk membangunkan negara,” katanya.

Mengenai mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno akan datang, Abdullah berkata mesyuarat itu akan diadakan pada minggu pertama bulan depan.